

DBKL sita barang perniagaan ditinggal di tempat awam

PETALING JAYA – Sebanyak 30 kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam Operasi Anti-Litter di sekitar kawasan komersial di Jalan Berangan, Bukit Bintang di ibu negara kelmarin.

Menurut DBKL, antara kesalahan dikesan adalah meletakkan barang perniagaan di tempat awam tanpa kebenaran, membuang sampah di tempat awam dan longkang serta menghalang longkang dengan sisa dan barang hingga menjejaskan aliran air.

“Sebanyak 10 kompaun dikeluarkan di bawah Seksyen 46(1)(d), Seksyen 47(1)(d) (tujuh kompaun), Seksyen 47(1)(a) (11 kompaun) dan Seksyen 46(1)(b) (dua kompaun) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” katanya.



PENGUAT kuasa DBKL menyita barangan perniagaan yang ditinggalkan di lokasi awam. – IHSAN DBKL